


3 OKTOBER 2023

AMARAN PENIPUAN (SCAMMER)! BERHATI-HATI TERHADAP SCAMMER / SKIM PENIPUAN MELALUI WHATSAPP MENGENAI PENAWARAN/PROMOSI PELABURAN PALSU

Kumpulan Syarikat KAF ("Kumpulan KAF") baru-baru ini mengetahui mengenai halaman palsu Facebook dan penipuan mesej WhatsApp yang melibatkan seseorang yang menyamar sebagai pekerja atau dengan palsu mengaku mewakili sebuah syarikat di bawah Kumpulan KAF, mempromosikan pelaburan robo-konsultasi bagi pihak syarikat.

Kumpulan KAF dan pekerjaanya dan/atau ejen yang sah dan/atau wakil tidak sama sekali terlibat dalam skim penipuan tersebut dan tidak menawarkan perkhidmatan sedemikian.



Sila berhati-hati terhadap scammer & skim penipuan ini. Jika anda menerima sebarang tawaran dari Facebook, panggilan atau mesej teks (SMS, WhatsApp, dan lain-lain) dari sesiapa yang menyamar sebagai pekerja, ejen, atau wakil Kumpulan KAF, sila hubungi kami dengan segera.

ANDA DILARANG :

- Memberi sebarang respons kepada mesej yang diterima; dan atau
- Berkongsi maklumat peribadi atau kewangan anda dengan pengirim; dan atau
- Klik pada pautan yang disertakan dalam mesej teks atau lampiran. Melakukannya boleh mengakibatkan penggantungan perisian berbahaya atau virus ke komputer/peranti anda.

Kumpulan KAF ingin menasihati orang ramai untuk menghubungi kami dengan segera untuk memeriksa kesahihan tawaran atau promosi tersebut. **KAF tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, sama ada kewangan atau lain-lain, jika anda memberi respons kepada tawaran atau promosi yang tidak sah tersebut.**

Untuk sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, sila hubungi :

Talian Khidmat Pelanggan : +603-2171 0434

KAF Investment Bank Berhad.